





Chairman's Statement

Dear Shareholders,

It is with pleasure that I report the performance of SunInc for this financial period, with income from major new contracts across our international businesses.

Our investments made in 2005/2006 demonstrated our commitment to growth through regional expansions. Individual business units have developed overseas strategies and several have already established beachheads in selected Asian markets.

In anticipation of rapid economic growth within these markets, there will be abundant demand for the technology and expertise provided by the Group, drawing on the wealth of experience we have accumulated over the last Malaysian construction boom period.

On the local front, it has been a challenging period and we have consolidated our presence to reflect a leaner and more efficient organisation.

Group Performance

As a result of the change of the financial year end, the financial statements for the current financial period of the Group were drawn up for a period of 18 months ended 30 June 2006 as compared to the period of 12 months in respect of the previous financial year ended 31 December 2004.

The Group's revenue has surpassed the billion-ringgit mark, achieving RM2.1 billion for the 18 months' financial period. The Group achieved a revenue of RM1.5 billion for the period of 12 months in 2004. The Group had registered a profit before tax of RM29.2 million in the 18 months' period, whilst the profit before tax in the prior year's 12 months' period was RM55.8 million. For the period under review, the revenue was mainly contributed by the construction, property development, trading and manufacturing divisions.

Dividend

The Company has paid an interim gross dividend of 3 sen per share less income tax of 28% and a final gross dividend of 2 sen per share less income tax of 28% for the financial year ended 31 December 2004 (on 13 January 2005 and 25 August 2005 respectively). No dividend has been proposed or paid for the financial period ended 30 June 2006.

Nevertheless, the Company has adopted a dividend policy and endeavours to declare a minimum of 2.5% gross dividend to its shareholders subject to availability of distributable reserves and tax credits to frank the dividends as well as the Company's future cash flow requirements.

Corporate Milestones

Our associated company, Sunway Infrastructure Berhad ("SunInfra") had appointed Rating Agency Malaysia Berhad ("RAM") to undertake an independent rating on

Chairman's Statement (Cont'd)

the outstanding Al-Bai Bithaman Ajil Islamic Debt Securities ("BaIDs"). RAM had issued a rating of B3 on the BaIDs. In view of the revised rating of the BaIDs which rendered it to be a non-investment grade, SunInfra has appointed CIMB Investment Bank Berhad (formerly known as Commerce International Merchant Bankers Berhad) as its financial adviser to look at the overall financial position of SunInfra and the possible restructuring of the BaIDs.

SunCon has outstanding order book of RM2.1 billion in 2005/2006, with close to RM900 million in overseas countries. This further reinforces our reputation as a world-class construction company for infrastructure and "design and build" projects.

Our core development to improve cost efficiency and optimise resources is the Shared Services Centre initiative. Over the years, this division has significantly contributed to the Group's goal of returning maximum value on our invested assets.

Human capital has been further enhanced with a record number of trainings and human capital development initiatives implemented throughout the year.

Strategic Thrusts

The Group continues to pursue contracts and establish enterprises in foreign countries. Early this year, the Group partnered with Goldman Sachs Strategic Investments (Asia) L.L.C. in a company with business investments in the building, construction and manufacturing industries in China. With our deeper presence in the Asian growth markets, I am confident that the Group will yield improved profits and returns to shareholders in the coming years.

I envisage our widely publicised target of 40% overseas revenue from the existing base of 10% to be realised within the next 3 to 5 years.

Our success will be driven by our commitment to excellence in delivering world-class products and services within each market.

Property development remains a profitable venture and we will continue to seek landbanks in identified locations that deliver value to our customers.

The 9th Malaysia Plan is expected to boost the construction sector resulting in a growth of 3% this year. The allocation under the 9th Malaysia Plan is estimated to be between RM150 billion and RM200 billion. Projects initiated through privately financed initiatives are also expected to be quite significant. The Group expects to see some new infrastructure and smaller-scale projects for rural development, as well as the continuation of projects initiated under the 8th Malaysia Plan.

Corporate Social Responsibility

We remain committed to a policy of continuous improvement in applying sound safety and social standards in our dealings with all our stakeholders.

The Group contributes generously to charity organisations such as the Malaysian Liver Foundation, Kiwanis, Malaysian Kidney Foundation and National Arthritis Foundation. Our contributions go beyond plain financial support including volunteer manpower and the provision of venues for the activities.

We have also embarked on a job placement project in which students with learning disabilities are given on-the-job training over 6 months to smoothen their transition into the workforce. The schools selected were pre-identified by the Ministry of Education.

In response to the Government's call to rehabilitate our environment, the Group in partnership with Alam Flora, has also embarked on a recycling project that has resulted in 313 tonnes of waste materials being processed. We are also credited by being the first developer to be recognised by the Ministry of Housing for our efforts. The project was a joint effort together with the local Rotary Club, schools and resident associations.

With the hope of raising the quality of life among the less fortunate, SunCon has carried out community refurbishment works in 3 selected homes. The recipients were House of Joy, Praise Emmanuel Children's Home and Asrama Penyayang Nur Iman.

The management also actively supports the in-house recreational club's activities to carry out philanthropic activities.

Corporate Governance

We are proud to maintain high standards of accountability and corporate governance by keeping abreast with the latest developments in corporate transparency, satisfying the requisites of today's increasingly sophisticated investors.

With effect from 1 July 2006, the Group will prepare its accounts using Financial Reporting Standards ("FRS").

Appreciation

I would like to welcome Datuk Abdul Malek Bin Abdul Aziz as a member of the Board.

I wish to extend my gratitude to the Board of Directors for their commitment and contributions made throughout the period. I would also like to thank all of our colleagues for their untiring effort in propelling the Group forward.

Yours Sincerely,



Tan Sri Dato' Seri (Dr) Cheah Fook Ling
Executive Chairman

12 October 2006

Penyata Pengerusi

Pemegang Saham yang Dihormati,

Dengan sukacitanya, saya ingin melaporkan prestasi SunInc bagi tempoh kewangan ini, dengan pendapatan daripada kontrak besar yang baru bagi semua perniagaan antarabangsa kami.

Pelaburan yang kami buat pada tahun 2005/2006 membuktikan komitmen kami terhadap pertumbuhan melalui perluasan serantau. Unit-unit perniagaan telah menyusun strategi luar negeri dan beberapa unit sudah pun bertapak di beberapa pasaran Asia yang tertentu.

Dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang pesat di pasaran-pasaran ini, permintaan yang tinggi turut dijangka bagi teknologi dan kepakaran yang disediakan oleh Kumpulan ini, yang diperolehi melalui pengalaman luas yang kami kumpul sepanjang tempoh pertumbuhan pesat yang lepas bagi sektor pembinaan di Malaysia.

Di pasaran tempatan pula, tempoh kewangan yang lepas merupakan tempoh yang mencabar, dan kami telah mengukuhkan kedudukan kami untuk menampilkan organisasi yang lebih kemas dan lebih cekap.

Prestasi Kumpulan

Oleh sebab tarikh bagi hujung tahun kewangan telah diubah, penyata kewangan Kumpulan bagi tempoh kewangan ini telah disediakan bagi tempoh 18 bulan yang berakhir pada 30 Jun 2006, dan bukan 12 bulan seperti bagi tahun kewangan lepas yang berakhir pada 31 Disember 2004.

Hasil Kumpulan berjaya melepasi aras sebilion ringgit sehingga mencapai RM2.1 bilion bagi tempoh kewangan 18 bulan ini. Sebagai bandingan, Kumpulan memperoleh hasil RM1.5 bilion bagi tempoh 12 bulan tahun 2004. Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM29.2 bilion bagi tempoh 18 bulan ini, manakala keuntungan sebelum cukai bagi tempoh 12 bulan sebelum itu ialah RM55.8 juta. Bagi tempoh yang ditinjau ini, hasil diperolehi terutamanya daripada bahagian pembinaan, perdagangan dan pembangunan harta.

Dividen

Syarikat telah membayar dividen kasar interim sebanyak 3 sen sesaham ditolak cukai pendapatan sebanyak 28% dan dividen kasar akhir sebanyak 2 sen sesaham ditolak cukai pendapatan sebanyak 28% bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2004, masing-masing pada 13 Januari 2005 dan 25 Ogos 2005. Dividen tidak dicadangkan mahupun dibayar bagi tempoh kewangan yang berakhir pada 30 Jun 2006.

Namun demikian, Syarikat mengamalkan dasar pembayaran dividen dan berikhtiar untuk mengisytiharkan dividen kasar sekurang-kurangnya 2.5% kepada pemegang sahamnya, sekiranya ada rizab boleh agih dan kredit cukai yang secukupnya untuk menjelaskan

cukai bayaran dividen dan memenuhi keperluan aliran tunai Syarikat pada masa akan datang.

Peristiwa Penting Korporat

Syarikat sekutu kami, Sunway Infrastructure Berhad ("SunInfra") telah melantik Rating Agency Malaysia Berhad ("RAM") untuk menjalankan penarafan bebas terhadap Sekuriti Hutang Islam Al-Bai Bithaman Ajil (Al-Bai Bithaman Ajil Islamic Debt Securities atau "BaIDs") yang belum lunas. RAM telah memberikan penarafan B3 bagi BaIDs ini. Memandangkan penarafan BaIDs yang diubah ini meletakkannya pada gred bukan pelaburan, SunInfra telah melantik CIMB Investment Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai Commerce International Merchant Bankers Berhad) sebagai penasihat kewangannya untuk mengkaji kedudukan kewangan SunInfra pada keseluruhannya, dan kemungkinan menyusun semula BaIDs.

SunCon berjaya memperoleh pesanan semasa berjumlah RM2.1 bilion pada tahun 2005/2006, dengan hampir RM900 juta di negara-negara asing. Ini memantapkan lagi reputasi kami sebagai syarikat pembinaan bertaraf dunia bagi projek infrastruktur dan projek reka bentuk dan bina.

Inisiatif Pusat Perkhidmatan Kongsi merupakan usaha teras kami untuk memperbaiki kecekapan dari segi kos dan mempergunakan sumber dengan sebaik-baiknya. Sepanjang tahun-tahun yang berlalu, bahagian ini menyumbang dengan banyaknya ke arah mencapai matlamat Kumpulan untuk mendapatkan pulangan maksimum daripada aset pelaburan kami.

Modal manusia diperkasa lagi dengan bilangan tinggi latihan dan inisiatif pembangunan modal manusia yang dilaksanakan sepanjang tahun yang lepas.

Teras Strategi

Kumpulan ini terus berusaha untuk mendapatkan kontrak dan menubuhkan perusahaan di negara-negara asing. Pada awal tahun ini, Kumpulan menjalinkan perkongsian dengan Goldman Sachs Strategic Investments (Asia) L.L.C. dalam syarikat yang membuat pelaburan perniagaan dalam industri pembangunan, pembinaan dan perkilangan di negara China. Dengan penglibatan kami yang lebih ketara di pasaran-pasaran Asia yang sedang berkembang maju, saya yakin bahawa Kumpulan ini akan memperoleh keuntungan yang lebih besar dan memberikan pulangan yang lebih lumayan kepada pemegang saham pada tahun-tahun yang akan datang.

Saya menjangka bahawa sasaran kami yang telah dihebahkan dengan luasnya untuk meningkatkan hasil luar negeri kepada 40% daripada nilai dasar 10% pada masa ini akan dicapai dalam masa 3 hingga 5 tahun lagi.

Kejayaan kami akan didorong oleh komitmen kami terhadap kecemerlangan dalam menyediakan produk dan perkhidmatan bertaraf dunia di setiap pasaran.

Penyata Pengerusi (Sambungan)

Pembangunan harta tetap menjadi usaha niaga yang menguntungkan, dan kami akan terus mencari simpanan tanah di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti, yang mampu memberikan nilai kepada para pelanggan kami.

Rancangan Malaysia Ke-9 dijangka akan memajukan sektor pembinaan sehingga mencapai pertumbuhan 3% pada tahun ini. Peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 ini dianggarkan antara RM150 bilion hingga RM200 bilion. Agak banyak projek juga dijangka akan dijalankan melalui inisiatif yang dibiayai oleh pihak swasta. Kumpulan ini berharap untuk menyaksikan beberapa projek infrastruktur yang baru dan projek kecil-kecilan bagi pembangunan luar bandar, di samping penerusan projek-projek yang telah dimulakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Kami tetap komited terhadap dasar peningkatan berterusan apabila mengamalkan piawaian keselamatan dan sosial yang baik dalam urusan kami dengan pihak-pihak berkepentingan.

Kumpulan ini menyumbang dengan banyaknya kepada organisasi amal seperti Yayasan Hepar Malaysia, Kiwanis, Yayasan Buah Pinggang Malaysia dan Yayasan Arthritis Kebangsaan. Sumbangan kami tidak sekadar berupa bantuan kewangan semata-mata, tetapi juga merangkumi tenaga sukarelawan dan tempat untuk mengadakan aktiviti.

Kami juga telah memulakan projek penempatan pekerjaan yang memberikan latihan sambil bekerja selama 6 bulan kepada para pelajar yang mempunyai daya pembelajaran yang lemah, untuk memudahkan proses peralihan mereka apabila menyertai tenaga kerja. Sekolah-sekolah yang terpilih telah dikenal pasti oleh Kementerian Pendidikan.

Sebagai menyahut seruan Kerajaan untuk memulihkan alam sekitar kita, Kumpulan ini memulakan projek kitar semula dengan kerjasama Alam Flora, dan melalui projek ini, 313 tan bahan buangan telah pun diproses. Kami juga merupakan pemaju pertama yang diiktiraf oleh Kementerian Perumahan atas usaha kami ini. Projek ini dijayakan melalui usaha sama dengan Kelab Rotary, beberapa sekolah dan beberapa persatuan penduduk.

Dengan harapan untuk meningkatkan mutu hidup di kalangan golongan yang kurang bernasib baik, SunCon menjalankan kerja pembaharuan komuniti di 3 asrama. Penerimaannya ialah House of Joy, Praise Emmanuel Children's Home dan Asrama Penyayang Nur Iman.

Pihak pengurusan juga menyokong kelab rekreasi Syarikat dalam melaksanakan aktiviti derma.

Tadbir Urus Korporat

Kami berasa bangga kerana mampu mengekalkan taraf kebertanggungjawaban dan tadbir urus korporat yang tinggi, dengan mengikuti perkembangan terkini dari segi ketelusan korporat, di samping memenuhi keperluan para pelabur yang semakin bijaksana hari ini.

Mulai 1 Julai 2006, Kumpulan akan menyediakan akaunnya dengan menggunakan Piawaian Pelaporan Kewangan (Financial Reporting Standards atau 'FRS').

Penghargaan

Saya ingin mengalu-alukan penyertaan Datuk Abdul Malek Bin Abdul Aziz dalam Lembaga Pengarah kami.

Saya juga ingin melahirkan penghargaan saya kepada Lembaga Pengarah atas komitmen dan sumbangan mereka sepanjang tempoh yang ditinjau ini. Akhir kata, terima kasih kepada semua rakan kerja atas usaha anda yang tidak mengenal penat dalam memarakan Kumpulan ini.

Yang Kekhlas,



Tan Sri Dato' Seri (Dr) Cheah Fook Ling
Pengerusi Eksekutif

12 Oktober 2006